

## 11

### *Membina Keupayaan Murid Berinteraksi dengan Menggunakan Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian*

**Muliana Mohammad**

muliana\_mohammad@moe.edu.sg

**Aswati Mohd Shariff**


aswati\_mohd\_shariff@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Jiemin

#### *Abstrak*

Murid Darjah 5 merupakan kohort kedua yang bakal menduduki peperiksaan lisan berdasarkan format PSLE 2017. Justeru, mereka perlu dilengkapkan dengan pengetahuan untuk menyampaikan idea dan pandangan sebaik mungkin untuk menyokong kemahiran bertutur mereka. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana murid-murid Darjah 5 dapat menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dalam memberikan respons berdasarkan video di dalam peperiksaan lisan. Pendekatan Kajian Pengajaran telah dipilih bagi kajian ini yang melibatkan 16 orang murid. Rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dipilih kerana dapat menggalak murid-murid berfikir secara berstruktur. Berdasarkan dapatan kajian, 81.3% murid mampu menggunakan rutin berfikir tersebut untuk memberikan respons peribadi dengan baik. Rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian ini amat berkesan dalam membantu murid menjana isi meningkatkan kemahiran bertutur.

Kata Kunci: rutin berfikir, budaya berfikir, kemahiran bertutur



## PENGENALAN


Kemahiran bertutur merupakan salah satu komponen yang penting dalam kurikulum Bahasa Melayu (BM). Bertutur ialah proses interaktif bagi pembinaan maksud yang melibatkan penghasilan, penerimaan dan pemprosesan maklumat. Yahya Don (2005) berpendapat bahawa kemahiran bertutur merangkumi keupayaan murid untuk menyampaikan maklumat, pendapat dan perasaan serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul dan secara sopan. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) pula menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua orang.

Kemahiran bertutur merupakan komponen yang penting kerana pemberatannya dalam peperiksaan lisan secara keseluruhan adalah sebanyak 25% bagi BM Standard dan 55% bagi BM Asas. Daripada peratusan tersebut, 15% (30 markah) bagi BM Standard dan 40% (40 markah) bagi BM Asas merupakan bahagian perbualan berdasarkan rangsangan video. Kohort ini merupakan kohort kedua yang akan menduduki peperiksaan lisan format PSLE 2017. Format ini lebih menekankan kemahiran berfikir secara kritikal, kreatif, logikal dan reflektif. Ini merupakan satu cabaran bagi guru-guru. Justeru, pengkaji telah menjurus kepada komponen lisan dan memilih pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Visible Thinking* dengan penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian.

Rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian sesuai digunakan untuk menyokong penerokaan dan penjanaan idea. Ia dapat mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid, membimbing murid berfikir, dapat membantu murid membezakan sesuatu dan membuat pentafsiran melalui perlambangan. Rutin berfikir ini terbukti berkesan apabila murid-murid mampu mengaktifkan pengetahuan sedia ada tentang sesuatu tema atau topik dan berpotensi untuk diluaskan penggunaannya.

## PERNYATAAN MASALAH

Format baharu peperiksaan lisan PSLE mempunyai pemberatan sebanyak 15% bagi BM Standard dan 40% bagi BM Asas dalam bahagian perbualan berdasarkan rangsangan video. Berdasarkan analisis keputusan kohort pertama, murid-murid kohort pertama tidak dapat menyampaikan respons mereka dengan baik. Mereka memberi respons mengikut kehendak dan pemikiran mereka sendiri. Hal-hal ini merupakan satu cabaran bagi guru-guru. Atas sebab-sebab inilah, guru-guru berpendapat bahawa pengajaran kemahiran bertutur harus disesuaikan



dengan menerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Satu struktur diperlukan untuk menghasilkan cara pertuturan yang standard dalam kalangan murid-murid. Oleh itu, pengkaji memilih rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian untuk mengatasi masalah ini. Melalui kajian ini, pengkaji berharap untuk menyediakan satu struktur yang dapat membimbing cara murid-murid memberi respons mereka dalam aktiviti lisan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:


1. penggunaan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dalam pembelajaran kemahiran bertutur murid; dan
2. keberkesanan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dalam menyokong pembelajaran kemahiran bertutur.

## KAJIAN LEPAS

Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua orang. Usaha untuk melengkapkan murid dengan kemahiran dan kecekapan lisan merupakan satu cabaran. Oleh itu, pengajaran lisan tidak seharusnya sekadar menunjukkan dan menekankan proses pertuturan yang baik sahaja tetapi merupakan proses yang memerlukan struktur standard yang dapat membimbing murid untuk bertutur dengan teratur dan padat.

Hurst, Wallace, dan Nixon (2013) dalam Jurnal *Reading Horizons* mendefinisikan interaksi sosial sebagai satu dialog yang bermakna antara murid. Murid yang memiliki kemahiran interaksi sosial ialah murid yang terlibat (Vacca et al., 2011). Routman (2005) menyokong dengan mengatakan bahawa murid akan terlibat dalam pembelajaran apabila mereka bertutur antara satu sama lain dan melibatkan diri secara aktif (p.207). Kesimpulannya, interaksi sosial penting dalam proses pembelajaran.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Angela K. Salmon (2008), telah menunjukkan penggunaan rutin berfikir dapat membangunkan dan meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan murid. Ini disebabkan rutin berfikir dapat menjana hasil yang berbeza. Antaranya adalah:




1. menyasarkan pada satu-satu jenis rutin berfikir;
2. mengandungi hanya beberapa langkah yang mudah diikuti;
3. mudah diajar dan dipelajari; dan
4. dapat digunakan individu dan kumpulan.

Dapatan kajian Ritchhart dan Perkins (2005) di dalam *Project Zero* telah menunjukkan penggunaan rutin berfikir mampu menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah. Penggunaan lebih daripada 30 strategi rutin berfikir di dalam bilik darjah jelas menggambarkan budaya berfikir wujud dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid. Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam *Project Zero*, guru-guru terlibat dalam menerokai apa yang difikirkan oleh murid melalui pemantauan di bilik darjah, hasil-hasil kerja murid, pelibatan murid semasa menjalani rutin berfikir dan juga melalui perbincangan guru. Justeru, apabila guru dapat meneroka dan memahami hasil kerja murid, guru dapat membentuk cara pembelajaran yang sesuai dengan para murid di dalam bilik darjah. Berkaitan dengan ini, rutin ini dapat membina keterampilan murid bertutur.

Menurut Rosenshine (1997), pengajaran secara eksplisit merupakan strategi pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Tambahnya lagi, salah satu teori kajian memproses informasi atau *Information Processing Research* menyebut bahawa kita hanya mampu memproses tujuh perkara dalam satu masa di dalam *working memory*. Informasi yang berlebihan boleh mengakibatkan memori kita terganggu dan menimbulkan kekeliruan. Oleh yang demikian, apabila guru ingin mula mengajar sesuatu yang baharu, guru harus mengajar bahagian demi bahagian dan mengaturnya untuk murid-murid berlatih agar ia dapat diterima dalam *working memory* mereka. Berdasarkan kajian ini, pengkaji fikir perlu untuk menerapkan pengajaran secara eksplisit untuk mengajarkan rutin berfikir ini kepada murid-murid.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini khusus melihat respons murid-murid secara lisan dan tulisan dalam melaksanakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian. Bahan pengajaran direka oleh guru dan disesuaikan kepada tahap pembelajaran murid. Hasil daripada respons, lembaran kerja murid dan penilaian sendiri inilah yang diukur untuk memastikan



keberkesanan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian yang dilaksanakan oleh guru.

### **Subjek Kajian**


Subjek kajian terdiri daripada 16 orang murid Darjah 5 yang mempunyai pelbagai aras keupayaan - 12 BM Standard dan 4 BM Asas. Murid-murid menjalani aktiviti rutin ini secara berpasangan dan jumlah pasangan itu seramai lapan orang kesemuanya. Tiada percampuran pasangan antara murid BM Asas dengan murid BM Standard. Murid-murid Darjah 5 dipilih kerana mereka merupakan kohort kedua yang akan menjalani format baharu peperiksaan lisan PSLE 2017. Berdasarkan pengalaman mengajar dan menilai murid-murid kohort pertama yang menggunakan rutin berfikir yang sama, diharap kajian ini dapat menambah nilai pembelajaran murid-murid kohort kedua sekaligus meningkatkan kemahiran mereka untuk berfikir dan bertutur. Kumpulan sasaran ini secara serentak diajar oleh seorang guru yang telah menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dalam pengajaran kemahiran bertutur.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah transkripsi video. Tujuan utamanya adalah untuk mengumpulkan data respons jawapan murid. Melalui rakaman video yang dibuat melalui iPad, respons-respons murid dapat dianalisis secara berkali-kali. Di sinilah respons lisan murid, mimik wajah murid dapat dirakam dan ditonton berkali-kali.

Lembaran kerja bagi rutin berfikir ini juga digunakan oleh murid-murid untuk mengkaji respons dan komen mereka. Borang penilaian sendiri digunakan bagi meninjau persepsi murid-murid terhadap keberkesanan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian.

Tiga orang guru terlibat di dalam kajian ini. Mereka turut menjadi fasilitator kepada kumpulan-kumpulan murid khususnya murid-murid peringkat BM Asas. Guru-guru ditugaskan memantau sikap murid terhadap pengajaran serta meneliti respons luaran seperti keyakinan memberikan respons, raut wajah semasa memberikan respons serta tahap keyakinan yang dipamerkan murid semasa memberikan jawapan.



## Prosedur Kajian


Guru-guru pernah mengikuti kursus berkaitan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* di Pusat Bahasa Melayu Singapura. Guru-guru pernah menggunakan rutin 3-2-1 Bina Titian bersama murid-murid. Para guru memberi cadangan dan sumbang saran pengaplikasian rutin berfikir tersebut dalam pengajaran kemahiran bertutur di bilik darjah. Para guru telah bersetuju untuk menggunakan rutin 3-2-1 Bina Titian yang telah diubah suai (Rajah 1). Soalan-soalan rangsangan yang digunakan meminta murid untuk memberikan perkara-perkara yang berikut:

1. 3 perkara penting berkaitan dengan video;
2. 2 pendapat/saranan berkaitan dengan tema video:
  - Adakah sikap jujur itu penting? Mengapa?
  - Sarankan cara-cara sekolah boleh menggalakkan murid-murid bersikap jujur;
3. 1 pengalaman peribadi selain yang terpapar dalam video.

Pengubahsuaian ini dibuat berdasarkan pengalaman guru-guru yang telah menjalankan rutin tersebut di bilik darjah. Selain itu, aturan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian juga disesuaikan mengikut jenis soalan dalam peperiksaan lisan PSLE format 2017.

**Jadual 1: Lembaran Kerja bagi Rutin 3-2-1 Bina Titian**

Idea Awal	3 perkara penting yang berkaitan dengan video. 1. 2. 3.	Idea Baharu	3 perkara penting yang berkaitan dengan video. 1. 2. 3.
	2 pendapat/saranan kamu yang berkaitan dengan tema video. 1. 2.		2 pendapat/saranan kamu yang berkaitan dengan tema video. 1. 2.
	1 pengalaman peribadi selain yang terpapar dalam video.		1 pengalaman peribadi selain yang terpapar dalam video.



Pengajaran rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dijalankan di bilik darjah selama dua waktu. Guru melakukan pengajaran secara eksplisit yang mengikuti Tahap Pengenalan, Tahap Penerangan, Tahap Modeling, Tahap Penilaian dan Tahap Penutup. Secara ringkas, guru menerangkan matlamat pembelajaran dan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian pada awal pengajaran lalu menayangkan klip video seminit. Selepas itu, guru dan murid berbincang tentang tema klip video tersebut, iaitu tema kejujuran. Guru memulakan pengajaran dengan menunjuk cara rutin berfikir itu digunakan bahagian demi bahagian sebelum murid-murid mencubanya. Untuk membantu murid-murid dalam bahagian kedua, guru telah menyediakan soalan-soalan rangsangan tambahan. Murid-murid mula merakam respons mereka pada saat mereka berinteraksi dan menjawab bahagian pertama sehingga selesai. Setelah selesai, murid-murid mengisi borang penilaian sendiri.

Rakaman-rakaman respons dan interaksi murid yang diperoleh ini telah ditranskripsi. Sebanyak 12 rakaman sahaja yang telah ditranskripsikan oleh dua orang pengkaji. Secara purata, setiap transkripsi mengambil masa sekitar 20 minit. Semasa meneliti rakaman tersebut, empat daripada 16 rakaman murid tidak dapat ditranskripsikan disebabkan masalah teknikal. Pengkaji mendengar rakaman secara berulang kali bagi mendapatkan data transkripsi dengan tepat. Kesemua respons yang diberikan oleh murid-murid dalam kajian ini dikumpul, direkod dan dihasilkan dalam bentuk transkripsi agar dapat difahami dengan lebih mendalam dan terperinci.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis data dibuat secara kuantitatif dan kualitatif. Dalam kajian ini, tiga soalan utama diajukan kepada murid-murid. Setiap soalan itu perlu ditanya untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap pemahaman dan penguasaan murid semasa bertutur. Data yang diperolehi telah dibanding beza antara satu pasangan dengan pasangan yang lain. Data daripada borang penilaian sendiri dianalisis dalam bentuk peratus dan diterjemahkan dalam bentuk jadual dan rajah.


Berdasarkan borang penilaian sendiri, dapatan menunjukkan 100% murid mengatakan mereka boleh memahami rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dengan baik dan 100% murid dapat menggunakan rutin tersebut untuk menjana idea tentang tema video. Namun, hanya 81.3 % murid dapat menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian untuk memberikan respons peribadi dengan baik. Rujuk Jadual 2 dan Rajah 1 di bawah ini.




**Jadual 2: Respons Murid Terhadap  
Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian (Jumlah responden = 16)**

No	Item	Boleh %	Tidak Boleh %
1	memahami rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian 1 dengan baik	100% (60)	0% (0)
2	menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian untuk menjana idea tentang klip video	100% (16)	0% (0)
3	menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian untuk memberikan respons peribadi dengan baik.	81.3% (13)	18.8% (3)

**Rajah 1: Maklum Balas Murid Menggunakan Lembaran Kerja Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian**



Murid-murid juga turut memberi maklum balas tentang perkara-perkara yang ingin mereka perbaiki iaitu dari segi kelancaran bertutur, cara memberi respons, struktur ayat dalam ucapan, idea-idea yang pelbagai, dan keyakinan





serta penggunaan bahasa. Ada juga murid yang memerlukan lebih masa untuk menonton video. Data-data ini penting kerana ia membolehkan guru untuk merancang pengajaran dengan mengambil kira perkara-perkara yang ditimbulkan oleh murid-murid.

Analisis data juga dibuat melalui respons bertulis individu murid-murid dalam lembaran kerja. Dapatan menunjukkan 100% murid boleh memberikan 3 perkara penting tentang klip video. 50% murid boleh memberikan satu saranan dan satu pendapat untuk item '2' manakala 100% murid boleh memberikan respons tentang pengalaman peribadi. Memandangkan data item '2' menunjukkan peratusan yang terendah, pengkaji akan menumpukannya dengan lebih teliti.

Rata-rata, untuk item '2', murid-murid boleh memberikan pendapat tetapi ada dalam kalangan murid yang mempunyai masalah dalam memberikan saranan. Saranan yang diberikan itu bukan berbentuk saranan tetapi lebih kepada akibat. Malah, ada juga murid yang tidak memberikan penerangan lanjut tentang saranannya itu dan pasangan pula tidak meminta penjelasan lanjut. Sila rujuk Jadual 3: Contoh Transkripsi.

### Jadual 3: Contoh Transkripsi

- Murid A:* "Adakah sikap jujur itu penting? Mengapa?"  
*Murid B:* Sikap jujur penting itu kerana kalau kamu tidak jujur, tidak ... tiada orang .. tidak ada orang hendak percaya kamu.
- Murid A:* Kedua, "Sarankan cara-cara sekolah boleh menggalakkan murid-murid bersikap jujur."  
*Murid B:* Sekolah boleh buat acara kejujuran.  
*Murid A:* Dah.  
*Murid B:* Ar... bagaimana... ar ... apakah pendapat kamu?  
*Murid A:* (Murid kelihatan bingung) Itulah. (Murid menunjuk ke arah soalan yang tertera di layar skrin)
- Murid B:* Oh, "Adakah sikap jujur itu penting? Mengapa?"  
*Murid A:* Ya, jadi orang lain boleh percaya kamu.  
*Murid B:* Kedua, "Sarankan cara-cara sekolah boleh menggalakkan murid-murid bersikap jujur."  
*Murid A:* Sekolah boleh buat ar... acara kejujuran. Kalau tak jujur kena bayar 10 sen.  
(Kedua-dua murid ketawa kecil)



Contoh di atas ini menunjukkan satu interaksi sosial yang berlaku di antara dua orang murid. Malah interaksi ini juga turut berlaku untuk kesemua pasangan. Namun, interaksi ini akan lebih bermakna sekiranya murid-murid dilatih untuk melahirkan idea-idea yang lebih bernas dan menarik seperti yang dikatakan oleh Vacca et al.'s (2011) bahawa "apabila murid-murid bekerjasama dalam kumpulan secara koperatif, mereka akan menghasilkan lebih banyak idea, mereka lebih terlibat dalam pembelajaran dan berani mengambil risiko intelektual".


Setelah meneliti kedua-dua dapatan, terdapat perbezaan di antara data penilaian sendiri dan respons yang diberikan oleh murid-murid. Murid-murid bersikap positif terhadap rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian ini walaupun terdapat beberapa kekurangan yang berlaku dari segi respons. Berdasarkan respons murid, bagi bahagian dapatan kajian menunjukkan guru boleh mengenal pasti kekurangan tersebut dan membimbing murid-murid tentang cara-cara memberi respons yang lebih baik.

## KESIMPULAN

Kajian pengajaran ini telah mencapai matlamat yang diingini. Pertama, murid-murid sudah tahu menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian. Kedua, dengan menggunakan rutin ini, murid-murid boleh menjana idea tentang sesuatu tema. Berdasarkan hasil data ini, boleh dirumuskan bahawa murid-murid mampu mengikuti rutin ini dengan mudah dan menggalak interaksi berlaku secara aktif dalam kalangan mereka.

Sebagai cadangan, guru harus mengenal pasti keupayaan murid-murid di kelas dahulu sebelum memperkenalkan murid-murid kepada ketiga-tiga rutin berfikir. Sebelum masuk kepada rutin berfikir, guru-guru perlu menyediakan masa untuk membina pengetahuan sedia ada dan kosa kata murid berkaitan dengan tema yang akan diajarkan. Pengkaji juga menggalakkan para guru untuk membuat perancahan secukupnya untuk memahami rutin ini sebelum dijalankan secara bertahap-tahap. Dari segi interaksi, guru boleh menetapkan jangkaan seperti setiap murid harus bertanya soalan berdasarkan respons pasangan mereka. Rutin ini bukan sahaja menggalak murid berfikir malah membolehkan mereka untuk berinteraksi.

Kajian ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada murid-murid, malah, guru-guru juga dapat menambah ilmu dengan memperbaiki pengajaran



lisan khususnya kemahiran bertutur.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Md Faizrin Hashim
2. Sharizah Kordi

## RUJUKAN

Ritchart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Routman, R. (2005). *Writing essentials: Raising expectations and results while simplifying teaching*. Portsmouth, NH: Heinemann.

Rosenshine, B. (1997, March 24–28). *The case for explicit, teacher-led, cognitive strategy instruction*. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, Chicago. Retrieved March 9, 2009, from <http://epaa.asu.edu/barak/barakl.html>


Salmon, A. K. (2008). Promoting a culture of thinking in the young child. *Early Childhood Education Journal*. Volume 35, Number 5, 457-461.

Siti Hajar Abdul Aziz., (2009). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.

Yahya Don 2005. *Kepimpinan Pendidikan di Malaysia*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Wangsa Melawati: Kuala Lumpur, Malaysia.

Vacca, R.T., Vacca, J.L., & Mraz, M. (2011). *Content area reading: Literacy and learning across the curriculum (10th ed.)*. Boston: Pearson.

<http://www.pz.harvard.edu/>- Cultures of Thinking Project at Bialik College a Pre-k to 12 school in Melbourne, Australia which began in 2005 with Ron Ritchard and Howard Gardner being Co-Principal Investigators



[http://www.ascd.org/ASCD/pdf/journals/ed\\_lead/el\\_198604\\_rosenshine.pdf](http://www.ascd.org/ASCD/pdf/journals/ed_lead/el_198604_rosenshine.pdf)  
<http://revistas.udistrital.edu.co/ojs/index.php/calj/article/view/101/158>

[http://scholarworks.wmich.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=3105&context=reading\\_horizons](http://scholarworks.wmich.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=3105&context=reading_horizons)

